

# Dua tahun raih pingat emas UMT

KOSMO 15/07/08 pg-11

Oleh MANIRAH OTHMAN

manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Nurul Haqimin Mohd. Salleh pada mulanya kekok belajar di samping siswazah lain yang rata-rata lebih senior daripadanya.

Namun, beliau cepat belajar dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.

Buktinya, anak kelahiran Perlis ini bukan sahaja berjaya melengkapkan pengajiannya lebih awal daripada orang lain, tapi berjaya menjadi siswazah terbaik.

Graduan berusia 23 tahun itu menamatkan pengajian Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam masa dua tahun berbanding tempoh sebenar tiga tahun, dan berjaya mendapat Pingat Emas Canselor UMT.

"Cabaran yang paling sukar ialah untuk membiasakan diri masuk kelas bersama-sama pelajar senior, tapi lama-kelamaan saya dapat mengatasinya," kata beliau ketika ditemui pada majlis konvokesyen keenam UMT di sini, semalam.

Pada majlis itu seramai 384 gra-

duan menerima ijazah dan diploma yang disampaikan Canselor UMT yang juga Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Nurul Haqimin juga membuktikan kesibukan menyertai pelbagai aktiviti termasuk pernah menjadi Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar UMT, Pengarah Mesyuarat Agung Mahasiswa Pengurusan Maritim (MAPEM) serta merupakan atlet ragbi itu bukan halangan untuk cemerlang dalam akademik.

"Saya mengulangkaji dua jam sehari, memang berat hendak menghabiskan pengajian lebih cepat dan menjadi yang terbaik," katanya yang menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) 3.71.

Penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Christopher Tan Yuet Han, 23, pula memastikan agihan masa yang betul antara urusan akademik dengan hal-ehwal lain.

"Saya ada jadual sendiri dan catat apa yang perlu dilakukan setiap hari," kata graduan Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dari Pulau Pinang ini yang menamatkan pengajian dengan PNGK 3.72.



NURUL HAQIMIN (kanan) bersama para penerima anugerah lain (dari kiri) Mohd. Uzair Rusli, Yuet Han, graduan Ph.D, Dr. Mustafa Mamat dan Pritbha Vashi Purswani selepas konvokesyen UMT di Kuala Terengganu semalam.